

Mesej Tiga

**Tanah yang Mempunyai Gandum dan Barli**

Bacaan Bible: Ul. 8:8a; Yoh. 11:25; 12:24-25; 1 Kor. 15:20; Ef. 1:20

**I. Gandum dalam Ulangan 8:8a mentamsilkan Kristus yang berinkarnasi, tersalib, dan dikebumikan—Yoh. 12:24:**

- A. Dalam ministri penuh Kristus pada tahap inkarnasi-Nya, Dia membawa Tuhan yang tidak terbatas ke dalam manusia yang terbatas—1:1, 14:
1. Sebagai manusia yang terbatas, Kristus dalam tubuh daging dibatasi dari segi masa dan ruang—7:6, 10:
    - a. Tuan ialah Tuhan yang abadi, tidak terbatas, dan tidak terhad, namun Dia hidup di sini di bumi sebagai manusia, dibatasi dari segi masa—ay. 6.
    - b. Walaupun Tuan ialah Tuhan maha perkasa, namun sebagai manusia di bawah penindasan, Dia dibatasi berhubung dengan aktiviti-Nya—ay. 10.
  2. Sebagai manusia yang terbatas, Kristus dalam tubuh daging dibatasi dari segi pengetahuan—Mat. 24:36; Luk. 2:40, 52; bd. Yoh. 7:15; Mrk. 6:1-3.
  3. Sebagai manusia yang terbatas, Kristus dalam tubuh daging mempunyai kehidupan insani yang sejadi, dan kewujudan yang memerlukan kebergantungan—Yoh. 10:11, 15, 17; 6:57a; Mat. 14:19.
- B. Keinsanan Kristus menerusi inkarnasi-Nya menjadi cangkerang yang menyembunyikan kedivinan-Nya dan dengan itu menyembunyikan kemuliaan-Nya—Yoh. 1:14; 12:23-24; Luk. 12:50:
1. Oleh sebab kemuliaan kedivinan-Nya disembunyikan oleh cangkerang keinsanan-Nya, Tuan Yesus berasa tertekan dan terdesak; Dia teringin hendak dibaptis dengan baptisan kematian-Nya untuk membebaskan kemuliaan kedivinan-Nya—ay. 50.
  2. Tuan perlu mengalami kematian fizikal, dibaptis supaya diri divin-Nya yang tidak terbatas dan tidak terhingga itu bersama dengan hayat divin-Nya dapat dibebaskan daripada tubuh daging-Nya.
  3. Tuan Yesus jatuh ke dalam tanah dan mati, dan kematian itu membebaskan-Nya daripada cangkerang tubuh insani-Nya—Yoh. 12:24:
    - a. Dia jatuh ke dalam tanah dan mati agar elemen divin-Nya, hayat divin-Nya, dapat dibebaskan dari cangkerang keinsanan-Nya.
    - b. Tuan Yesus sebagai sebiji gandum jatuh ke dalam tanah, kehilangan hayat sukrawi-Nya menerusi kematian untuk membebaskan hayat divin-Nya.
- C. Dalam situasi yang membatasi kita dan menekan kita, kita dapat mengalami Kristus sebagai biji gandum—ay. 24:
1. Di bawah ketentuan Tuan, bila-bila masa kita diletakkan ke dalam situasi yang membuat kita dibatasi, tertekan, kamu dapat mengalami Tuan sebagai gandum—Roma 8:28.
  2. Apabila kita menghubungi Tuan dalam sekitaran yang dibatasi dan dihadkan, kita akan menyedari bahawa Dialah Tuhan tidak terbatas yang menjadi manusia terbatas, dan dalam-Nya terdapat kudrat untuk menanggung apa-apa sahaja pengehadan—Flp. 4:13.
  3. Kristus hayat kita berada dalam kita sebagai sebiji gandum untuk menghidupkan hayat Dia yang berinkarnasi, Dia yang dibatasi—Kol. 1:27; 3:4.
  4. Jika kita menghubungi Tuan, kita akan mengalami-Nya sebagai biji gandum, dan dalam-Nya kita akan berpuas dengan situasi kita—Flp. 4:11-12.

Mesej Tiga (sambungan)

5. Sebagai gandum, Kristus ialah hayat kita yang menjadikan kita rela dibatasi, rela mati, rela dikebumikan, rela menjadi tiada; inilah pengalaman terhadap Kristus sebagai gandum—Yoh. 12:24-25.

**II. Gandum menandakan Kristus yang berinkarnasi, tersalib, dan dikebumikan, manakala barli menandakan Kristus yang bangkit—Ul. 8:8a:**

- A. Di tanah permai, barli masak lebih awal daripada bijirin yang lain; oleh yang demikian, barli merupakan buah sulung—1 Kor. 15:20:
  1. Oleh sebab barli masak lebih awal, maka barli ialah buah sulung untuk peneuaian—satu tamsil bagi Kristus yang bangkit dan tidak terbatas—ay. 20.
  2. Kita bergirang untuk mempelajari bahawa Kristus ialah barli, yang Kristus yang bangkit dalam kita, dan Dia berupaya menangani setiap situasi.
  3. Kristus sebagai buah sulung dalam kebangkitan ialah Yang Pertama-lahir daripada yang mati, supaya Dia dapat menjadi Kepala Tubuh (Kol. 1:18; Ef. 1:20-23); memandangkan Dia yang merupakan Kepala Tubuh telah dibangkitkan, kita yang merupakan Tubuh juga akan dibangkitkan.
  4. Sebagai buah sulung, Kristus telah menjadi roti hayat; oleh itu, roti barli menandakan Kristus dalam kebangkitan menjadi makanan kita—Yoh. 6:48:
    - a. Angka lima melambangkan tanggungjawab; ini menunjukkan bahawa Kristus yang bangkit berupaya memikul tanggungjawab.
    - b. Apabila kita makan Kristus sebagai roti barli, kita menjadi roti barli untuk memberi makan kepada orang lain dengan Kristus yang kita alami.
  5. Dengan lima roti barli, Tuan Yesus dapat memberi makan kepada lima ribu orang dengan sisa dua belas bakul cebisan, inilah kebangkitan—Mat. 14:14-21; Yoh. 6:9, 13.
- B. Seperti yang ditamsilkan oleh barli, Kristus yang bangkit adalah tidak terbatas—Flp. 4:13:
  1. Gandum menunjuk kepada inkarnasi, kematian, dan pengebumian Kristus, dan menyusuli ini, barli menunjuk kepada kebangkitan-Nya, yakni Kristus yang bangkit—Yoh. 11:25; Ef. 1:20.
  2. Dari satu segi, kita dapat mengalami Yesus yang terbatas seperti yang dilambangkan oleh gandum; dari segi yang lain, kita dapat mengalami Kristus yang tidak terbatas seperti yang dilambangkan oleh barli—Yoh. 12:24; 6:9, 13:
    - a. Dalam inkarnasi Yesus, Dia sangat terbatas, namun dalam kebangkitan-Nya, Dia adalah tidak terbatas—Luk. 12:49-50; 24:5-6, 26, 34, 46.
    - b. Gandum ialah lembah maut, manakala barli ialah gunung kebangkitan.
  3. Untuk mengalami gandum, iaitu Yesus yang terbatas, kita perlu menerapkan barli, iaitu Kristus yang tidak terbatas; kita mengikut Yesus yang terbatas dalam kudrat Kristus yang bangkit—Ibr. 13:12-13.
  4. Kita berupaya melakukan segala sesuatu dalam Dia yang memperkudratkan kita kerana Dia ialah Kristus yang bangkit dan tidak terbatas—Flp. 4:13.
  5. Bila-bila sahaja kita mengalami Kristus sebagai gandum, kita ada kepastian bahawa pengalaman terhadap Kristus sebagai barli akan menyusul—Ul. 8:8a.
  6. Sebenarnya, untuk mengalami Kristus sebagai biji gandum, iaitu Yesus yang terbatas, kita harus menerapkan Dia sebagai barli, iaitu Kristus yang bangkit—Yoh. 12:24-25.

## TANAH YANG MEMPUNYAI GANDUM DAN BARLI

Mesej Tiga (sambungan)

7. Kita tidak dapat memenuhi keperluan kita dalam diri kita, tetapi dalam kita ada roti barli, sebahagian daripada Kristus yang tidak terbatas, yang memenuhi setiap keperluan dan bahkan menghasilkan lebih—11:25.
8. Kristus yang bangkit ialah roti barli; tidak ada apa-apa yang dapat menghalang atau membatasi-Nya.
9. Jika kita ingat bahawa Kristus ialah barli yang berada dalam kita, apabila kita datang ke perhimpunan, kita dapat menerapkan-Nya sebagai barli untuk memberi makan kepada orang lain melalui doa kita atau kesaksian kita.